



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH TIMUR LAUT**

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : PDTL/SH/BEK/2022/02

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **Kod Bidang 020201 Mesin-mesin Pejabat dan aksesori** serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:-

**“MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MESIN ELEKTRONIK/ELEKTRIK
KEPADA PEJABAT DAERAH DAN TANAH TIMUR LAUT”**

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga RM10.00 secara online dan dimuat turun melalui **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** mulai **11 Oktober 2022 (Selasa)**.
3. Dokumen tawaran sebut harga yang telah lengkap diisi, berserta dokumen wajib hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Nombor Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen Sebut Harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 17 Oktober 2022 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengah hari** dan Sebut harga hendaklah dikemukakan sama ada melalui serahan **Dengan Tangan** di Bahagian Pengurusan Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut, Tingkat 51, KOMTAR **tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, 17 Oktober 2022 (Isnin)**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.
5. Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut